



Fail: (39) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.37

Tarikh: 15 November 2011

SIARAN MEDIA

Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2011 dan Pelancaran Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau

KUALA LUMPUR, 15 November 2011- YB. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung merasmikan hari sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) dan Pelancaran Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau pada malam ini.

2. Bertemakan *Sustainable Development: Green Urbanism* seperti mana tahun sebelumnya, ia memberi fokus kepada pembangunan mampan. Pemilihan tema ini selaras dengan usaha Kerajaan untuk memastikan pembangunan yang dijalankan adalah mesra alam dan keseluruhan komuniti bandar melaksanakan amalan hijau disokong dengan teknologi hijau ke arah mengatasi isu-isu kesan perubahan iklim global.

3. Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau ini menfokuskan kepada perancangan di peringkat paling kecil dalam hirarki bandar iaitu kejiranan. Gabungan beberapa kejiranan boleh membentuk bandar hijau, seterusnya membolehkan pembentukan wilayah yang mampan.

4. Tujuan utama garis panduan ini adalah untuk memelihara alam sekitar, mengurangkan tapak ekologi (ecological footprint) dan pelepasan karbon, meningkatkan kesihatan awam, keselamatan serta kabajikan komuniti sedia ada.

5. Pada 26 Januari 2010, Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah ditubuhkan dan objektifnya untuk mengenalpasti isu dan menggubal dasar strategik bagi teknologi hijau negara dan perubahan iklim.

6. Di bawah Majlis ini, terdapat lapan (8) Jawatankuasa Kerja di mana salah satunya adalah Jawatankuasa Kerja Pembangunan Kejiranan Hijau yang diterajui oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Jawatankuasa Kerja ini berperanan menyelaras, membantu, menggalak dan menasihati Majlis Teknologi Hijau di dalam hal ehwal berkaitan pembangunan kejranaan hijau.

7. Untuk memastikan isu berkaitan dengan penggunaan teknologi hijau dan perubahan iklim dapat ditangani secara berkesan melalui sistem perancangan bandar, KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD SM) telah menyediakan Garis Panduan Perancangan Kejranaan Hijau yang dirangka berteraskan kepada reka bentuk pasif kejranaan hijau, konsep 3R dan disokong dengan bantuan teknologi hijau.

8. Garis panduan perancangan ini telah mendapat persetujuan Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim yang diadakan pada 11 Ogos 2011 dan dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Garis panduan ini berfungsi sebagai alat yang memandu perancangan serta pembentukan kejranaan dan bandar hijau di Malaysia, di mana pengurangan karbon dari pembangunan hijau ini boleh dinilai melalui *Low Carbon Cities Framework* yang disediakan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA).

9. Untuk mencapai pengurangan pelepasan karbon, garis panduan ini telah menggariskan 10 prinsip utama untuk memandu pelaksanaannya, iaitu: -

- i) Mengutamakan aspek kemapanan dan pemuliharaan alam sekitar;
- ii) Menyediakan satu kawasan petempatan yang mengutamakan keindahan dan keselesaan kepada penduduk;
- iii) Mempunyai ciri-ciri *affordable* iaitu penduduk mampu untuk menjalankan aktiviti ekonomi, memiliki rumah, bekerja dan berekreasi dalam lingkungan kawasan kejranaan;
- iv) Mewujudkan masyarakat harmoni, sejahtera, sihat dan berinteraksi;
- v) Mewujudkan aktiviti ekonomi setempat yang berdaya saing;
- vi) Mewujudkan kemudahsampaian yang tinggi kepada penduduk bagi menghubungkan pengangkutan awam dan berjalan kaki serta aktiviti berbasikal;

- vii) Menawarkan kepelbagaian kemudahan dan perkhidmatan untuk aktiviti harian penduduk;
 - viii) Menggunakan kaedah tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan tenaga;
 - ix) Menyediakan infrastruktur hijau; dan
 - x) Merekabentuk pembangunan kejiranan berskala manusia (*human scale*).
10. Garis panduan ini juga menjelaskan elemen-elemen yang perlu ada untuk membentuk kejiranan hijau, iaitu: -
- i) Bangunan hijau
 - ii) Variasi jenis rumah;
 - iii) Guna tanah pelbagai dan kepadatan yang sederhana atau tinggi;
 - iv) Kemudahan transit;
 - v) Rangkaian laluan pejalan kaki dan basikal yang bersambungan;
 - vi) Kawasan hijau seperti tanah lapang, pekebunan komuniti, bumbung hijau, tanaman sepanjang jalan, badan air dan kawasan sensitif alam sekitar;
 - vii) Pengurusan sumber tenaga yang disokong oleh teknologi hijau seperti panel solar, lampu yang menjimatkan (LED) dan *district cooling system*;
 - viii) Pengurusan sisa pepejal menggunakan pendekatan 3R, iaitu *Reduce, Reuse* dan *Recycle*;
 - ix) Pengurusan air melalui pennaian air hujan di bangunan dan komuniti dan merawat air sisa secara semulajadi;
 - x) Komuniti hijau yang mengamalkan gaya hidup hijau; dan akhirnya
 - xi) Menggalakkan penemuan baru dan inovasi dalam pembangunan kejiranan hijau.

PELAKSANA INISIATIF KEJIRANAN HIJAU

11. Sebagai penghargaan dan galakkan kepada usaha dan inisiatif kejiranan hijau yang dilakukan di peringkat agensi pelaksana, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memberi pengiktirafan kepada 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) atas usaha yang telah diambil mereka.

12. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD SM) telah menetapkan tiga (3) kategori inisiatif kejiranan hijau seperti berikut: -

i) Rangkaian Jalan Kaki

Rasional:

Berjalan kaki dapat mengurangkan pelepasan karbon yang disebabkan oleh penggunaan kenderaan bermotor. Ia juga adalah satu amalan kehidupan sihat serta dapat memupuk interaksi sosial di kalangan penduduk.

ii) Lorong Basikal

Rasional:

Menggalakkan penduduk supaya tidak menggunakan kenderaan bermotor bagi jarak yang selesa berbasikal. Ini dapat mengurangkan pelepasan karbon, mengurangkan pencemaran dan menjimat kos pengangkutan.

iii) Sistem Pelupusan Pepejal Kaedah Kompos (Composting)

Rasional:

Sistem ini dapat mengurangkan sisa pepejal domestik. Ianya akan menghasilkan produk baja kompos yang mesra alam dan tidak mengandungi bahan kimia.

PELAKSANAAN MURNINET VERSI 2

13. Tahap kemampuan bandar di Malaysia telah dinilai melalui Malaysian Urban Indicator Network (MURNInet) mulai tahun 2002. Pada tahun ini MURNInet telah dikaji semula bagi memberi gambaran tahap kemampuan yang lebih tepat dan berkesan kerana penunjuk-penunjuk baru merangkumi semua teras pembangunan mampan dan melibatkan pelbagai sektor (*cross sectoral*).

14. Aplikasi Penunjuk MURNInet terdahulu mengandungi 11 sektor. Ia telah diubahsuai dan ditambahbaik menjadi rangka kerja 6 Dimensi, 20 Tema, 36 Penunjuk bagi mencerminkan tahap kemampuan bandar dan luar bandar. Dimensi yang dibentuk adalah: -

- i) Ekonomi Berdayasaing
- ii) Kualiti Alam Sekitar Mampan.
- iii) Komuniti Sejahtera.
- iv) Guna Tanah dan Sumber Asli Optimum.

- v) Infrastruktur dan Pengangkutan Efisien.
- vi) Urustadbir Efektif.

15. Satu Kajian Indeks Kebahagiaan (*Happiness Index*) turut akan dijalankan untuk mengukur tahap kesejahteraan dan kebahagiaan penduduk yang tinggal di kawasan PBT masing-masing. Aspek-aspek yang diambil kira dalam kajian ini adalah interaksi antara penduduk, tahap kesihatan dan tahap perkhidmatan PBT di kawasan mereka. MURNInet juga akan dijadikan *Way Forward* dalam Laporan Malaysia untuk Rio +20.

16. MURNInet akan mengemaskini penunjuk berkaitan dengan kebersihan dan kehijauan seperti kebersihan tandas awam, gerai, sampah dan sebagainya yang boleh dirangkum dan dikaitkan dengan kempen *1Malaysia Clean; 1Malaysia Green*. Ini secara tidak langsung akan memberi imej yang positif tentang keindahan dan kebersihan bandar di Malaysia, menambah bilangan kehadiran pelancong ke Malaysia dan meningkatkan pendapatan negara dari aspek pelancongan.

17. Hari Perancangan Bandar Sedunia ini disambut setiap tahun dan diterajui oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Pada tahun ini sambutan diadakan dengan kerjasama Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) dan Persatuan Pegawai Perancang Bandar dan Desa Malaysia (PERSADA). Sambutan dimulakan dengan satu *executive talk* - '*Value Capture and Value Creation*' oleh pakar dari Land Transport Authority, Singapura. Ini diikuti dengan Majlis Perasmian Sambutan HPBS 2011 dan Pelancaran Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau. Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) akan memberi satu Anugerah Khas dalam bentuk *medelion* kepada seorang tokoh yang telah memberi sumbangan besar kepada profesion and bidang perancangan bandar dan desa di Malaysia.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mail : pro@kpkt.gov.m

**MAKLUMAT RINGKAS MENGENAI PEMBERIAN PENGHARGAAN TERHADAP
PELAKSANAAN INISIATIF KEJIRANAN HIJAU BERSEMPENA SAMBUTAN
HARI PERANCANG BANDAR SEDUNIA (HPBS) 2011**

- a. Jumlah keseluruhan penyertaan yang diterima daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah sebanyak 18 (**Rujuk Jadual 1**)
- b. Jumlah keseluruhan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menghantar penyertaan adalah sebanyak 12 (**Rujuk Jadual 1 dan 2**)
- c. Jumlah penyertaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi kategori 1 : *Kemudahan Laluan Pejalan Kaki* adalah sebanyak 8 (**Rujuk Jadual 3**)
- d. Jumlah penyertaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi kategori 2 : *Kemudahan Laluan Basikal* adalah sebanyak 3 (**Rujuk Jadual 4**)
- e. Jumlah penyertaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi kategori 3 : *Sistem Pelupusan Sisa Pepejal Kaedah Kompos (Waste Composting)* adalah sebanyak 7 (**Rujuk Jadual 5**)
- f. Terdapat 4 buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menghantar lebih daripada 1 penyertaan iaitu :-
 - Majlis Bandaraya Miri, Sarawak – 3 penyertaan (Kategori 1, 2 & 3)
 - Majlis Perbandaran Sibu, Sarawak – 2 penyertaan (Kategori 1 & 3)
 - Majlis Perbandaran Pulau Pinang – 2 penyertaan (Kategori 2 & 3)
 - Perbadanan Putrajaya – 3 penyertaan (Kategori 1, 2 & 3)

(Rujuk Jadual 2)

Jadual 1 : Bilangan Penyertaan Yang Diterima Mengikut Kategori

Kategori	Inisiatif	Bilangan Penyertaan
Kategori 1	Kemudahan Laluan Pejalan Kaki	8
Kategori 2	Kemudahan Laluan Basikal	3
Kategori 3	Sistem Pelupusan Sisa Pepejal Kaedah Kompos (Waste Composting)	7
Jumlah Penyertaan		
Jumlah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)		

Jadual 2 : Bilangan Penyertaan Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Bil.	Nama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Bilangan Penyertaan	Kategori
1.	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	1	Kemudahan Laluan Pejalan Kaki
2.	Majlis Bandaraya Miri, Sarawak	3	Kemudahan Laluan Pejalan Kaki
			Kemudahan Laluan Basikal
			Sistem Pelupusan Sisa Pepejal Kaedah Kompos
3.	Majlis Perbandaran Sibu, Sarawak	2	Kemudahan Laluan Pejalan Kaki
			Sistem Pelupusan Sisa Pepejal Kaedah Kompos
4.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Melaka	1	Kemudahan Laluan Pejalan Kaki
5.	Majlis Perbandaran Seremban, Negeri Sembilan	1	Kemudahan Laluan Pejalan Kaki
6.	Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah	1	Kemudahan Laluan Pejalan Kaki
7.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	2	Kemudahan Laluan Basikal
			Sistem Pelupusan Sisa Pepejal Kaedah Kompos
8.	Dewan Bandaraya Kuching Utara, Sarawak	1	Sistem Pelupusan Sisa Pepejal Kaedah Kompos
9.	Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Sarawak	1	Sistem Pelupusan Sisa Pepejal Kaedah Kompos
10.	Majlis Perbandaran Seberang Prai, Pulau Pinang	1	Sistem Pelupusan Sisa Pepejal Kaedah Kompos
11.	Majlis Bandaraya Alor Setar, Kedah	1	Kemudahan Laluan Pejalan Kaki
12.	Perbadanan Putrajaya	3	Kemudahan Laluan Pejalan Kaki
			Kemudahan Laluan Basikal
			Sistem Pelupusan Sisa Pepejal Kaedah Kompos
Jumlah Penyertaan		18	
Jumlah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)		12	

**Jadual 3 : Senarai Penyertaan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Kategori 1 :
Kemudahan Laluan Pejalan Kaki**

Kategori	Bil.	Nama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
<p><u>Kategori 1</u> Kemudahan Laluan Pejalan Kaki</p>	1.	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
	2.	Majlis Bandaraya Miri, Sarawak
	3.	Majlis Perbandaran Sibu, Sarawak
	4.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Melaka
	5.	Majlis Perbandaran Seremban, Negeri Sembilan
	6.	Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah
	7.	Majlis Bandaraya Alor Setar, Kedah
	8.	Perbadanan Putrajaya

**Jadual 4 : Senarai Penyertaan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Kategori 2 :
Kemudahan Laluan Basikal**

Kategori	Bil.	Nama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
<p><u>Kategori 2</u> Kemudahan Laluan Basikal</p>	1.	Majlis Bandaraya Miri, Sarawak
	2.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang
	3.	Perbadanan Putrajaya

**Jadual 5 : Senarai Penyertaan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Kategori 3 :
Sistem Pelupusan Sisa Pepejal Kaedah Kompos (Waste Composting)**

Kategori	Bil.	Nama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
<p><u>Kategori 3</u> Sistem Pelupusan Sisa Pepejal Kaedah Kompos (Waste Composting)</p>	1.	Dewan Bandaraya Kuching Utara, Sarawak
	2.	Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Sarawak
	3.	Majlis Bandaraya Miri, Sarawak
	4.	Majlis Perbandaran Sibu, Sarawak
	5.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang
	6.	Majlis Perbandaran Seberang Prai, Pulau Pinang
	7.	Perbadanan Putrajaya